



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/29_91 (HQ)

EMPANGAN HIDROELEKTRIK TNB SEDIA LAKSANA PERANAN ELAK BENCANA MUSIM TENGGUJUH

- Semua empangan hidroelektrik TNB berada dalam keadaan baik & selamat.

Skim empangan hidroelektrik **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** iaitu Skim Hidroelektrik Kenyir, Skim Hidroelektrik Sg Perak dan Skim Hidroelektrik Cameron Highlands bersedia menampung kapasiti air dari hulu sungai yang dijangka meningkat pada musim tengkujuh tahun ini.

TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) adalah anak syarikat milik penuh TNB yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset-aset penjanaan elektrik milik TNB, termasuk skim empangan hidroelektrik ini.

Menurut Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti, paras air di ketiga- tiga skim empangan hidroelektrik tersebut telah diturunkan sejak bulan Julai sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut kali ini.

“Persediaan yang dilakukan termasuk pengurusan paras air empangan melalui pelepasan terkawal dan pemeriksaan menyeluruh di stesen-stesen janakuasa,” katanya.

Dengan mengoptimalkan penggunaan air secara sasaran *draw-down*, paras air tasik telah diturunkan secara terancang ke paras minima sebelum bermulanya musim tengkujuh dengan mengambil kira keperluan operasi supaya keupayaan penjanaan elektrik masih boleh dilakukan.

“Pelan persediaan banjir secara menyeluruh telah dilaksanakan selaras dengan pendekatan Syarikat dalam mempertingkatkan komitmen dalam usaha berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam memacu perjalanan peralihan tenaga bertanggungjawab.”

“Kami juga bekerjasama rapat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenai ramalan kaji cuaca dan taburan hujan sebenar, menjalankan latihan pengungsian dan melaksanakan ujian tahap ketersediaan bersama agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan pengurusan bencana seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA),” katanya.

TNB Genco turut memberi jaminan kesemua empangan hidroelektrik milik syarikat utiliti itu berada dalam keadaan baik dan selamat.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di 15454 atau Facebook TNB Careline.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 November 2022, jam 1:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Dengan mengoptimumkan penggunaan air secara sasaran *draw-down*, **TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco)** telah menurunkan paras air tasik Stesen Janakuasa Temenggor secara terancang ke paras minima sebelum bermulanya musim tengkujuh dengan mengambil kira keperluan operasi supaya keupayaan penjanaan elektrik masih boleh dilakukan.



Pengarah Urusan TNB Genco, Dato' Nor Azman Mufti